

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk melibatkan lebih ramai golongan belia dalam usaha menjayakan dasar sains, teknologi dan inovasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memberi penekanan kepada perancangan melibatkan lebih ramai golongan belia dalam usaha menjayakan dasar sains, teknologi dan inovasi negara. Di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2013-2020 sedia ada, MOSTI memberi penekanan kepada keperluan membangun, memupuk dan mengekalkan bakat untuk memacu agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) di bawah Teras Strategik 2.

2. MOSTI telah melibatkan pelbagai pemegang taruh antaranya Kementerian/Agensi, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pihak swasta dalam menjayakan agenda STI Negara dengan melaksanakan beberapa program utama yang turut melibatkan belia seperti Minggu Sains Negara, Program Jangkau Luar (*Outreach*) dan pendidikan tidak formal bagi menyemai minat masyarakat terhadap STI dan membudayakan STI kepada kumpulan sasar seperti murid-murid sekolah, belia di Institusi Pengajian Tinggi dan komuniti luar bandar. Selain itu, MOSTI menerusi

Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) telah melaksanakan beberapa program melibatkan belia iaitu *University Startup Challenge (USC)* serta program bimbingan, latihan dan pementoran untuk para usahawan, termasuk perusahaan sosial di mana 60% penerima manfaat adalah golongan belia.

3. Sebagai usaha berterusan merancakkan agenda STI Negara, MOSTI akan melancarkan inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)* yang bertujuan membolehkan penyelidik, penggerak inovasi, *startups* dan usahawan berteknologi tinggi menguji produk, perkhidmatan, model perniagaan dan mekanisme penyampaian yang baharu yang secara tidak langsung akan menarik minat golongan belia untuk menguji hasil inovasi mereka dan menyumbang kepada pengembangan bakat STI tempatan.
4. Selain itu, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020 dan Inisiatif Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang merangkumi Program Hackathon telah menyenaraikan Cradle Fund sebagai pelaksana inisiatif ini. Inisiatif ini dengan kuantum RM20juta turut melibatkan agensi-agensi lain.
5. MOSTI juga sedang menyediakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 untuk menggantikan DSTIN 2013-2020. Penyediaan DSTIN 2021-2030 telah melalui sesi libat urus, termasuk dengan pertubuhan berkaitan belia seperti Majlis Belia Malaysia dan Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) untuk mendapatkan maklum balas agar kepentingan golongan belia turut diambil kira dalam DSTIN 2021-2030.
6. DSTIN 2021-2030 akan memberi tumpuan kepada aspek membangun dan memupuk bakat STI yang adaptif kepada perubahan yang berlaku dalam kehidupan, khususnya disebabkan perubahan teknologi serta membudayakan STI, termasuk di kalangan belia agar mereka dapat menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi Negara.

Sekian, terima kasih.